

Peranan Mawlid Nabi dan Kesannya Kepada Kita

“Berbagai-bagai hal dari sejarah Nabi kita yang dapat kita dengar dalam bulan Rabi’ al-Awwal ini, tetapi semua itu hendaklah menambah taat kita kepada Allah dan Rasul....”

(Oleh: Al-Ustaz Muhammad ‘Alī Al-Hamīdī)

Mawlid Nabi Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* memperingatkan kita betapa kedudukan kita di dunia ini sebagai umatnya sehingga sekalian kita merasa di dalam hati bahawa kita mempunyai suatu “risalah” atau cita-cita yang mesti dilaksanakan.

Nabi kita diutuskan oleh Allah *subhānahu wa ta ‘ālā* bukanlah untuk suatu golongan sahaja, atau suatu bangsa sahaja, bukan juga untuk suatu benua, tetapi baginda diutuskan oleh Allah untuk dunia seluruhnya. Oleh sebab itu maka agama Islam yang Baginda bawa bukanlah untuk suatu golongan tetapi untuk seluruh manusia di dunia yang akan memimpin mereka kearah kebahagiaan dunia dan akhirat.

“Kami utuskan engkau untuk semua manusia sebagai khabar suka dan duka, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.” (Maksud firman Allah di dalam Quran).

Oleh kerana itu maka kita hendaknya sedar bahawa cita-cita yang terkandung dalam dada setiap Muslim adalah luas, suatu cita-cita hidup bagi seluruh manusia baik bangsa apa jua pun dan di mana juga mereka

berada. Cita-cita itu dapat mereka laksanakan di sekitar mereka sendiri dalam lingkungan masyarakat sendiri sedang yang lain dalam daerah yang jauh begitu pula adanya.

Perjuangan Nabi yang cukup tertulis dalam sejarah menjadi pedoman dan bekal jiwa bagi setiap muslimin untuk mengangkat cita-cita agamanya di mana pun dia berada dan betapa jua kedudukan. Tugas sebagai muslim adalah murni dan suci tetapi juga menghendaki pengorbanan dan kejujuran, apalagi tinggi dan rendahnya nilai Islam sekarang terletak pada kesanggupan kita membawa dan memperjuangkannya dalam masyarakat dan negara.

Nabi dengan tegas menyatakan perbezaan dengan nabi-nabi yang lain, supaya kita sebagai umat Baginda lebih menyedari tugas yang mesti kita lakukan dan kita tahu apa yang mesti kita perbuat:

“Nabi itu diutuskan hanya tertentu untuk kaumnya sahaja, sedang aku diutuskan untuk seluruh manusia.” (Maksud hadis Riwayat Buhāri dan Muslim).

Maka dengan keterangan al-Qur’ān dan hadis Nabi ini kita pun sebagai umat bertanggungjawab atas

perkembangan Islam di dunia, dan mewarisi perjuangan Islam yang baginda telah tinggalkan kepada kita. Di hadapan kita selalu terbentang medan jihad yang luas, yang berapa jua kita terjun ketengahnya, namun medan ini tidak pernah kekurangan tempat.

Dalam hal ini kita pertanggungjawabkanlah terlebih dahulu bagaimana Islam dan keadaan kita kaum Islam di negeri ini sehingga tidak satupun tenaga kita yang lalai memperjuangkan cita-cita Islam kita.

* * *

Berapa banyak usaha dan harta benda kita pergunakan menyambut mawlid tahun ini, sebagai tanda kasih kita kepada junjungan kita Nabi Muḥammad ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam.

Marilah kita merenungkan peringatan Allah *azza wa jalla*, (ertinya):

“Katakanlah (wahai Muḥammad): Jika kamu cinta kepada Allah maka ikutlah (ajaran-ajaran) ku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa kamu, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Katakanlah: Hendaklah kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, tetapi jika kamu berpaling, maka Allah tidak cinta kepada orang-orang yang kafir.” (31-32, Ali-‘Imran).

Berbagai-macamnya dari sejarah Nabi kita yang dapat kita dengar dalam bulan Rabi’ al-Awwal ini, tetapi semua itu hendaknya menambah taat kita kepada Allah dan Rasul. Khususnya sudah ketaatan itu berbekas pada kehidupan sehari-hari, dan pada mutu kaum muslimin.

Taat kepada Allah dan Rasul dalam segala ajaran agama adalah memperlihatkan kehidupan yang dikehendaki Islam, baik mengenai ibadah, mahupun muamalat. Sebab itu kecintaan dan ketaatan kepada agama, inilah hendaknya yang harus dilipatgandakan sesudah jiwa disirami oleh peringatan mawlid.

Setiap hari yang kita lalui meminta kita berkorban dengan bersungguh-sungguh, sebab golongan lain yang membenci kemajuan kita selalu bergerak mengintai kelalaian kita, lalu mereka akan bertindak terhadap kita.

Rasanya semua orang cukup mengetahui betapa Nabi kita meninggalkan kepada kita ajaran “jihad” untuk menjaga keutamaan Islam, sedang dalam negeri kita ini cukup waktu dan tempat untuk kita berjihad.

Sebab itu keutamaan Islam dewasa ini meminta seluruh kita kaum muslimin supaya bergerak memenuhi panggilan agamanya, baik berupa ketaatan atau ajaran-ajaran agama, mahupun berkorban harta-benda dan juga untuk agama Allah.

Hendaknya setiap mawlid yang kita lalui dari tahun ke tahun, membawa perubahan dalam jiwa kita.

Dalam suasana mawlid ini, marilah tambah kesedaran kita dan Tuhan sudah berfirman (ertinya):

“Wahai orang-orang yang beriman perkenankanlah seruan Allah dan Rasul-Nya bila Dia menyeru kamu kepada yang menghidupkan kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah menghalangi antara seseorang dan hatinya (dari kemajuan jahat), dan sesungguhnya kepadaNya lah kamu akan dihimpunkan.” (al-Anfal, 24).